

CNS6451

R GB 20-04 00165 BA637

bah

Mahathir - Renong

Daripada Abdul Rahman Sulaiman

I

HANOI, 20 April (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini mengingatkan ahli perniagaan Malaysia supaya menimbangkan segala cara untuk mencapai dan mengekalkan pertumbuhan ekonomi, termasuk dengan meluaskan kegiatannya ke luar sempadan Malaysia.

Ini perlu terutamanya memandangkan yang dunia hari ini melalui perubahan yang dinamik, kata Perdana Menteri ketika merasmikan pejabat perwakilan Renong Berhad di sini.

Beliau berkata walaupun proses pembangunan di Malaysia dan Vietnam pada masa lepas tidak sama pesatnya, hasrat bagi mencapai pembangunan sosial dan ekonomi, yang berkobar-kobar di kedua-dua negara tidak mungkin surut atau lenyap.

Dr Mahathir berkata, untuk berjaya mereka perlu meluaskan kegiatan mereka mengatasi sempadan negara dan tidak harus merasa ragu-ragu untuk menghadapi risiko.

Beliau berkata kerjasama ekonomi antara Malaysia dan Vietnam, berasaskan kepada kelebihan masing-masing yang berbeza, mempunyai potensi yang besar bagi mendatangkan faedah bersama, walaupun mungkin ada masalah kecil pada peringkat permulaannya. -- Lagi.

▼20/04/19-30MST

CNS6454

R GB 20-04 00102 BA638

bah

Mahathir - Renong 2 Hanoi

+Memanglah perkara biasa apabila sesuatu usaha menghadapi masalah pada peringkat permulaan tetapi jika sektor swasta bersedia untuk mengambil peranan utama, masalah itu boleh diatasi demi faedah semua pihak,+ kata beliau.

Dr Mahathir berkata, perbezaan daripada segi tahap pembangunan ekonomi dan perbezaan sumber dan aset semula jadi antara Malaysia dan Vietnam, menyediakan peluang-peluang yang luas untuk diterokai.

Terserahlah kepada ahli perniagaan dan usahawan Malaysia untuk menggunakan daya kreatif masing-masing dengan usahasama rakan-rakan mereka dari Vietnam bagi menggunakan sepenuhnya potensi yang besar itu, kata beliau. -- Bernama.

▼20/04/19-31MST